

KEMBARA MENELUSURI HIKMAH AL-KHALIQ

Terbitan
Jabatan Mufti Negeri Selangor
Syawal 1442H/Jun 2021

Risalah فلك

Edisi 13



**Wabak Penyakit &
Fenomena Falak**

**Kaitan Kiblat
Masjidil Aqsa &
Masjidil Haram**

Sejarah Kriteria Imkanur Rukyah

Intipati Khutbah Gerhana Bulan

Karya Astronomi Tempatan

Infografik Hilal dan Kiblat





Gerhana Bulan Penuh

26 Mei 2021 Tg. Labian, Lahad Datu, Sabah

Gambar oleh : MUHAMMAD LUQMANUL HAKIM



Maksud Firman Allah S.W.T. :

“Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya).” (Surah Yunus : ayat 5)

Wabak Penyakit & Fenomena Falak (perubahan musim dan cuaca)

Oleh : Ustaz Haji Hanafiah Bin Abd Razak

Al-Sheikh Muhammad Mukhtar al-Misri (Wafat 1311H) membuat penilaian terhadap wabak penyakit yang melanda bumi Mesir berdasarkan fenomena falak iaitu perubahan musim dan cuaca di dalam kitab penulisan iaitu "*al-Taufiqat al-Ilhamiah*". Kitab "*al-Taufiqat al-Ilhamiah*" merupakan kitab yang menyediakan jadual Taqvim Hijri Istilahi dan digabungkan dengan Taqvim Masihi serta Taqvim Qibti Mesir iaitu Taqvim tiga dalam satu bermula dari Tahun 1 Hijrah sehingga Tahun 1500 Hijrah / 2077 Masihi.


Keistimewaan Kitab "*al-Taufiqat al-Ilhamiah*" ialah setiap tahun Hijrah tercatat peristiwa-peristiwa bersejarah. Antara yang di paparkan ialah wabak penyakit serta fenomena perubahan musim dan cuaca. Perubahan musim yang dimaksudkan adalah fenomena limpahan air Sungai Nil di sepanjang negara Mesir. Al-Sheikh al-Imam Ibnu Battutah (Wafat : 779 H) menulis di dalam kitab "*Rehlah Ibnu Battutah*" akan perihai air Sungai Nil yang melimpah menyebabkan banjir akibat daripada limpahan air dari pergunungan Ethiopia (Habshah) pada awal musim panas iaitu sekitar bulan Jun. Ibnu Battutah menjelaskan " Sungai Nil mengalir dari arah selatan menuju ke utara. Di antara keajaiban Sungai Nil ialah air sungai mula bertambah dan melimpah pada awal musim panas dan cuaca panas terik. Apabila sungai-sungai lain mula surut dan susut di musim panas, sebaliknya air Sungai Nil mula bertambah dan melimpah.

Air Sungai Nil melimpah pada bulan Haziran iaitu bulan Jun. Apabila ketinggian air Sungai Nil pada paras 16 hasta, cukai tanah akan dibayar sepenuhnya kepada Sultan. Apabila air



Sungai Nil pada paras 17 hasta kemewahan dan kemakmuran pada tahun tersebut akan tercapai jua. Apabila air Sungai Nil melimpah sehingga paras 18 hasta tanam-tanaman akan musnah dan wabak penyakit akan merebak. Sekiranya air sungai Nil susut sehingga paras 15 hasta, kutipan cukai tanah untuk Sultan berkurangan. Apabila Air Sungai Nil terus susut sehingga 14 hasta, rakyat jelata negara Mesir akan menunaikan Solat Sunat Istisqa' dan berdoa kepada Allah S.W.T. bersungguh-sungguh kerana itulah petanda musibah yang besar akan menimpa bumi Mesir.

Al-Sheikh Muhammad Mukhtar al-Misri (Wafat 1311H) menulis dalam kitab "*al-Taufiqat al-Ilhamiah*" halaman 417 pada tahun 833 Hijrah / 1429 Masihi bumi Mesir dilanda wabak penyakit. Air Sungai Nil melimpah pada awal musim panas bulan Haziran iaitu bulan Jun dengan ketinggian 20 hasta, tanam-tanaman musnah dan wabak penyakit merebak. Wabak yang telah mengorbankan puluhan ribu nyawa umat Islam termasuk Khalifah yang disayangi iaitu Amirul Mukminin al-Mustain billah Abu al-Fadli al-Abbasi. Wabak tersebut juga telah mengorbankan 3 orang anak kepada tokoh ulama' terbilang iaitu al-Sheikh al-Imam Ibnu Hajar al-Askolani. Al-Sheikh al-Imam Ibnu Hajar al-Askolani (Wafat 852 H) menulis dalam kitab "*Bazlu al-Maun fi Fadli al-Taun*" bumi Mesir pernah dilanda wabak yang sama pada tahun 781 Hijrah / 1379 Masihi. Manakala **al-Sheikh Muhammad Mokhtar al-Misri** menjelaskan pada tahun 781 Hijrah / 1379 Masihi tersebut air Sungai Nil melimpah pada awal musim panas bulan Haziran iaitu bulan Jun dengan ketinggian 19 hasta, tanam-tanaman musnah dan wabak penyakit merebak.



Intipati KHUTBAH GERHANA BULAN

Oleh : Hardi bin Mohamad Sadali

Gerhana bulan penuh tahun 2021 seperti dijangka berlaku pada 26 Mei 2021, malam 15 Syawwal 1442H. Gerhana ini telah dapat dilihat hampir di seluruh Malaysia. Namun, bagi yang tinggal di Semenanjung Malaysia mungkin hanya dapat melihat Gerhana bulan separa sahaja disebabkan fasa gerhana penuh berlaku ketika bulan ini baru terbit di ufuk timur.

Firman Allah S.W.T. dalam surah Yunus ayat 5-6:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ
وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ⑤
الَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَّقُونَ ⑥

“Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya (masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (tanda-tanda kebesaran-Nya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya). Sesungguhnya pada pertukaran malam dan siang silih berganti, dan pada segala yang dijadikan oleh Allah di langit dan di bumi, ada tanda-tanda (yang menunjukkan undang-undang dan peraturan Allah) kepada kaum yang mahu bertakwa.”



Di dalam ayat ini Allah S.W.T. menjelaskan beberapa tanda kekuasaan-Nya yang beredar di sekeliling kita. Antaranya adalah matahari yang bersinar memancarkan cahayanya untuk kita beroleh manfaat daripadanya; bulan yang bercahaya hasil pantulan cahaya matahari untuk kita mengetahui bilangan tahun dan waktu; malam untuk kita berehat dan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. dengan penuh tawaduk dan siang untuk kita bertebaran mencari nafkah di atas muka bumi ini. Semuanya ini sebagai kemudahan bagi manusia untuk menyusun dan mengatur kehidupan mereka di muka bumi Allah S.W.T. ini.

Gerhana itu ialah suatu perubahan, suatu kejadian, suatu tanda keagungan dan kebesaran Allah S.W.T. yang berlaku melalui sistem peredaran bumi, matahari dan bulan pada orbitnya masing-masing; di mana kejadian ini adalah suatu perkara yang amat mudah bagi Allah S.W.T. melakukannya. Kejadian gerhana matahari atau bulan ini bukanlah merupakan suatu tanda akan timbul kejadian yang aneh dan mengkhawatirkan, tetapi gerhana itu berlaku atas kehendak dan kuasa Allah S.W.T. atas segala sesuatu yang tidak dapat dihalang oleh apa jua kekuatan pun di dunia ini.

Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah ayat 117:

بَدِيعُ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

“Allah S.W.T. jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya); dan apabila Ia berkehendak (untuk menjadikan) suatu, maka Ia hanya berfirman kepadanya: “Jadilah engkau!” Lalu menjadilah ia.”

Dalam menghadapi fenomena gerhana, dengan melihat dan mengkaji, Islam juga menganjurkan umatnya untuk melaksanakan solat sunat Gerhana ketika berlakunya gerhana bulan atau matahari serta dibacakan khutbah padanya dengan memperingatkan umat Islam untuk memperbanyakkan berzikir, beristighfar dan bersedekah. Berdasarkan hadis Rasulullah SAW daripada Aisyah Radhiallahu Anha:

وَقَدْ انْجَلَتْ الشَّمْسُ، فَخَطَبَ النَّاسَ، فَحَمِدَ اللَّهَ وَأَثْنَىٰ عَلَيْهِ، ثُمَّ قَالَ: إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ، لَا يَخْسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ، فَادْعُوا اللَّهَ، وَكَبِّرُوا وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا. ثُمَّ قَالَ: يَا أُمَّةَ مُحَمَّدٍ وَاللَّهِ لَوْ تَعْلَمُونَ مَا أَعْلَمَ لَضَحِكْتُمْ قَلِيلًا وَلَبَكَيْتُمْ كَثِيرًا

“Dan sesungguhnya telah jelas cahaya matahari, maka Rasulullah SAW berkhotbah di hadapan orang ramai sambil memuji Allah S.W.T. dan sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua daripada keagungan Allah. Gerhana kedua-duanya berlaku bukan disebabkan mati atau hidup seseorang. Apabila kamu melihat terjadi gerhana matahari atau bulan, maka hendaklah kamu berdoa kepada Allah dan mendirikan solat dan bersedekah. Kemudian Nabi SAW bersabda: “Wahai umat Muhammad, jikalau kamu tahu apa yang aku tahu, nescaya kamu sedikit ketawa dan banyak menangis.”

(Sahih al-Bukhari)

Akhirnya, khatib menyeru supaya :

1. Umat Islam wajib meyakini bahawa segala fenomena alam yang berlaku termasuk gerhana bulan pada hari ini adalah dengan izin dan kekuasaan Allah S.W.T.
2. Umat Islam hendaklah mempertingkatkan iman dengan memperbanyakkan amal soleh pada setiap masa.
3. Umat Islam hendaklah menjauhi segala perbuatan, bentuk kepercayaan dan khurafat yang dikaitkan dengan fenomena gerhana.
4. Umat Islam hendaklah sentiasa memohon keampunan daripada Allah S.W.T. di atas kealpaan dan kesilapan yang dilakukan.

karya
Astronomi
tempatan

CANVAS
TO
COSMOS



karya
Astronomi
tempatan

Astro Couple | SABAH STARGAZERS | DARK SKY MALAYSIA
GERHANA BULAN PENUH 26 MEI 2021
Tanjung Labian, Lahad Datu, Sabah
Gabungan 45 gambar



Penghijabahan
Marikh oleh Bulan

06 Ramadhan 1442H / 17 April 2021



Sejarah Kriteria Imkanur Rukyah

bagi Penyusunan Takwim Hijri di Malaysia

Oleh : Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi dan Raihana Abdul Wahab

Pensyarah Kanan, Program Astronomi Islam,
Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya.

Penentuan awal bulan bagi bulan Hijrah adalah berdasarkan kenampakan anak bulan. Ahli falak telah merumuskan satu kriteria kenampakan anak bulan bagi menentukan had kenampakan anak bulan yang paling muda untuk boleh kelihatan. Kriteria ini dirumuskan samaada berdasarkan kepada rekod kenampakan atau menggunakan kaedah teoretikal dalam menjangkakan kemungkinan anak bulan boleh kelihatan.

Malaysia, telah menggunakan kriteria yang pelbagai dalam menyusun kalendar Hijrah. Sehingga kini kriteria imkan al-rukyah telah digunakan hampir 26 tahun. Sebelum tahun 1969, penyusunan Kalendar Istimak telah diaplikasikan di Malaysia. Secara umumnya, kalendar ini berdasarkan kepada hisab 'urfi yang mempunyai bilangan hari sebanyak 29 hari dan 30 hari secara berselang seli. Namun begitu, Kalendar Istimak tidak digunakan bagi penentuan awal Ramadan dan Syawal, sebaliknya tarikh-tarikh tersebut ditentukan berdasarkan kepada kaedah hisab dan rukyah.


Pada tahun 1986 hingga tahun 1991, Malaysia telah menggunakan Kalendar Ijtimak Hakiki. Sekiranya ijtimak berlaku sebelum matahari terbenam, maka selepas terbenam matahari dikira awal bulan Hijrah yang baru. Namun sekiranya ijtimak berlaku selepas matahari terbenam, maka bermula pada terbenam matahari pada hari tersebut dicukupkan kepada 30 hari bagi bulan Hijrah yang berlangsung. Kalendar ini juga digunakan bagi menentukan semua awal bulan Hijrah kecuali 1 Ramadan dan 1 Syawal.

Namun, bagi tahun 1992 hingga 1994 Kalendar Ijtimak Wujud al-Hilal telah diaplikasikan di Malaysia. Kalendar ini bergantung kepada waktu berlaku ijtimak pada akhir bulan Hijrah beserta anak bulan wujud di atas ufuk selepas matahari terbenam. Walaubagaimanapun, kalendar ini digunakan untuk penentuan awal bulan untuk semua bulan hijri melainkan bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah. Penentuan awal bulan bagi tiga bulan tersebut menggunakan kalendar Imkan al-ru'yah.

Bermula pada tahun 1995, Kalendar berpanduan kriteria Imkan al-ru'yah telah digunakan dalam penentuan tarikh 1 haribulan Hijrah bagi semua bulan Hijri di Malaysia. Kriteria Imkan al ru'yah adalah seperti berikut; Anak bulan dianggap kelihatan apabila kiraan memenuhi salah satu daripada syarat berikut : a. Ketika Matahari terbenam, i. Ketinggian bulan tidak kurang daripada 2°, DAN ii. Jarak lengkung bulan-matahari tidak kurang daripada 3°. atau b. Ketika bulan terbenam Umur bulan tidak kurang daripada 8 jam.

Kriteria imkan al-ru'yah yang digunapakai di Malaysia adalah bermula daripada Persidangan Anak Bulan Negara-Negara Islam Sedunia yang berlangsung di Istanbul pada 27-30 November 1978. Melalui persidangan tersebut, satu resolusi telah dicapai terhadap kriteria yang dicadangkan untuk anak bulan boleh kelihatan ialah tidak kurang 5° ketinggian di atas ufuk dan sudut elongasi bagi bulan dan matahari adalah 8°.

CADANGAN TERHADAP KRITERIA IMKAN AR-RU'YAH



Selanjutnya, Malaysia telah mengamalkan kriteria yang terhasil daripada resolusi di Istanbul. Ini dibuktikan pada tahun 1983, Malaysia menerima pakai kriteria tersebut dengan sedikit perubahan iaitu 5.5° bagi ketinggian anak bulan dan 7.5° bagi jarak lengkung untuk anak bulan boleh kelihatan. Terdapat ketetapan alternatif yang digunakan oleh Malaysia iaitu masa berlaku ijtimak mestilah tidak kurang 8 jam sebelum matahari terbenam bagi anak bulan kelihatan Namun, persoalannya ialah apakah justifikasi pemilihan kriteria umur 8 jam tersebut sedangkan resolusi Istanbul 1978 tidak merumuskan kriteria umur 8 jam. Dalam konteks ini, mengapakah ditambah kriteria umur bulan 8 jam?

Kriteria kenampakan umur anak bulan 8 jam setelah berlakunya ijtimak adalah berasal daripada pandangan Allahyarham Tuan Haji Mohd. Khair Mohd. Taib. Walaupun Resolusi Istanbul 1978 hanya mengemukakan dua kriteria, iaitu kriteria berasaskan altitud anak bulan 5 darjah dan sudut elongasi 8 darjah. Dalam hal ini, Allahyarham Tuan Haji Mohd. Khair Mohd. Taib didapati telah menambah kriteria umur 8 jam berkenaan untuk diaplikasikan di Malaysia. Terdapat tiga bukti daripada penulisan beliau yang menjelaskan kriteria umur 8 jam adalah tambahan daripada Resolusi Istanbul 1978. Pemilihan kriteria berkenaan adalah atas faktor resolusi mata manusia boleh melihat anak bulan selepas ijtimak berlaku setelah umur bulan 8 jam. Justeru, kriteria tersebut dipilih sebagai salah satu syarat kenampakan anak bulan di Malaysia dan seterusnya kriteria ini diperluaskan aplikasinya oleh MABIMS. Dapatlah dinyatakan bahawa Allahyarham Tuan Haji Mohd. Khair Mohd. Taib merupakan salah seorang ahli falak Malaysia yang telah menyumbang kepada pemilihan kriteria yang digunapakai oleh MABIMS.

Bagi kriteria altitud 2 darjah dan sudut elongasi 3 darjah dirumus berdasarkan data-data kenampakan anak bulan di Indonesia. Data-data tersebut diperolehi semasa lawatan Jawatankuasa Kajian Semula Penentuan Awal Ramadan dan Syawal BAHIES, Jabatan Perdana Menteri Malaysia ke Jakarta. Untuk tujuan itu, 12 data daripada 29 data yang diperakui sahih digunakan untuk merumuskan kriteria tersebut. Sehubungan itu, umur 8 jam juga dijadikan justifikasi asas dalam merumuskan kriteria tersebut. Oleh demikian, umur 8 jam memainkan peranan penting dalam rumusan kriteria altitud 2 darjah dan sudut elongasi 3 darjah. Setelah 26 tahun kriteria ini digunapakai di Malaysia ia telah dilihat dapat menjaga keharmonian perjalanan ibadah umat Islam dinegara ini. Walaupun demikian, masih terdapat ruang dan peluang untuk memantapkan kriteria yang sedang digunakan melalui penyelidikan yang dijalankan supaya lebih sesuai dengan peredaran zaman.

Kaitan Kiblat Masjidil Aqsa & Masjidil Haram

Dr Ahmad Irfan Ikmal Hisham

Ketua Program Sains Kemusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Arah kiblat merupakan sebahagian daripada kandungan ilmu falak. Kiblat merupakan arah yang dihadap oleh orang Islam ketika solat. Namun tahukah anda sejarah Kiblat dan pembinaannya?

Dalam al-Quran, Allah S.W.T. menyatakan bahawa rumah ibadat pertama yang dibina di dunia ialah Baitullah yang terletak di Makkah. Firman Allah S.W.T.:

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya Rumah Ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah yang di Makkah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia. (Ali Imran:96)*

Baitullah, atau Masjidil haram di Makkah, merupakan rumah ibadat yang pertama dibina dan kemudian berfungsi sebagai Kiblat bagi umat Nabi Muhammad SAW. Namun demikian, sebelum Masjidil Haram, kiblat generasi awal adalah menghadap ke arah Masjidil Aqsa. Terdapat beberapa fakta menarik kaitan antara kedua-dua Masjid ini.

1. Jarak pembinaan antara kedua-duanya.

Dalam Sahih al-Bukhari, terdapat riwayat Abu Dhar yang menyatakan penjelasan Nabi Muhammad SAW bahawa masjid pertama yang dibina di bumi adalah Masjidil Haram, dan 40 tahun selepas itu, dibina pula Masjidil Aqsa. Tetapi riwayat ini tidak merekodkan siapakah pembinaanya. Berkemungkinan besar, dengan jarak 40 tahun yang secara relatifnya adalah singkat, kedua-dua masjid ini dibina oleh individu yang sama.

2. Siapakah pembinaanya?

Tidak terdapat ayat al-Quran atau Hadith yang menerangkan secara jelas pembina asal Masjidil Haram dan Masjidil Aqsa. Nabi Ibrahim dalam al-Quran disifatkan sebagai membangunkan kembali asas binaan Ka'bah. Dalam riwayat tafsir, didatangkan pelbagai pandangan mengenai sejarah pembinaannya, seperti mula-mula dibina oleh para Malaikat, dibangunkan asasnya oleh Sam bin Nuh, sebelum roboh beberapa kali dan dibina semula oleh Ibrahim A.S, serta Daud A.S dan Sulaiman A.S.

Pun demikian, pandangan yang paling kuat ialah ia dibina oleh Nabi Adam A.S. di atas tapak yang ditentukan Allah S.W.T. Ini berdasarkan pandangan yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas (Ibn al-Jauziy m.597, Tarikh Baitilmaqdis h.37),

selain logik yang menyatakan bagaimana mungkin manusia terawal tidak mempunyai rumah ibadat sedangkan mereka merupakan umat yang belum pernah melakukan syirik.

3. Pelan yang serupa

Ka'bah yang merupakan Masjidil Haram yang asal, merangkumi bangunan berbentuk kiub yang diselubungi dengan kain kiswah hitam, hinggalah ke kawasan al-Hatim atau Hijir Ismail. Berdasarkan kajian Dr Haithem al-Ratrouf, pelan Ka'bah ini adalah sama dengan pelan Masjidil Aqsa. Bukannya segi empat sama, atau segi empat tetap. Setiap pagarnya mempunyai saiz berbeza, dan sudutnya juga tidak sama. Tidaklah hairan, kerana pembinaanya adalah orang yang dengan panduan daripada Allah.

4. Al-Aqsa dibina menghadap ke arah Masjidil Haram

Walaupun kompas atau teknologi satelit belum wujud lagi semasa zaman Nabi Adam A.S, tetapi Allah S.W.T. telah memberikan panduan kepada baginda untuk membina Masjidil Aqsa, 40 tahun selepas membina Ka'bah, dalam keadaan al-Aqsa betul-betul menghadap ke arah Ka'bah.

Beginilah cantik aturan Allah S.W.T., Tuhan yang menghubungkan generasi manusia pertama di bumi dengan kedua-dua Masjidil Haram dan Masjidil Aqsa, sama seperti Allah menghubungkan manusia akhir zaman dengan kedua-dua masjid suci ini.

Muliakanlah al-Aqsa kerana 123:

- Kiblat 1 umat Muhammad
- Masjid ke-2 dibina dalam sejarah manusia.
- Tanah suci ke-3 bagi umat Islam.



Kiblat MATAHARI TERBENAM

Tahukah anda?

Kita boleh menentukan arah kiblat berpandukan arah
MATAHARI TERBENAM

FAKTA:

1. Arah kiblat bagi Negeri Selangor berpaksikan kepada azimut 292°
2. Matahari akan terbit di sebelah timur dan terbenam disebelah barat pada arah yang berbeza-beza.
3. Pada 22 Jun, Matahari akan terbit dan terbenam pada titik maksimum 23.5° Utara. Pada 22 Disembar pula akan terbit dan terbenam pada titik maksimum -23.5° selatan.
4. Mengikut kiraan tersebut, pada bulan Jun di Negeri Selangor matahari akan terbenam pada azimut $\pm 292^{\circ}$ dan ia bertepatan dengan arah kiblat.

KAEDAH PENENTUAN


1. Sepanjang bulan Jun bermula jam 6.45 petang, pandanglah ke arah ufuk barat dan matahari ketika itu akan berada tepat ke arah kiblat.
2. Lihat objek yang tegak dan pegun seperti tiang, bermula dari hujung bayang yang menghala ke arah matahari dan itulah arah kiblat yang sebenar.

Sumber
BALAI CERAP SELANGOR
JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR



Infografik

Hilal Zulhijjah 1442H



Kriteria Imkanur Rukyah MABIMS

Altitud Hilal $>2^{\circ}$ & Jarak Lengkung $>3^{\circ}$
atau
Umur Hilal > 8 jam

29 Zulqad'ah 1442H / 10 Julai 2021 (Sabtu)

Umur Hilal : 10 jam 14 minit
Jangkamasa Hilal atas Ufuk :
19 minit

Azimut Bulan ($294^{\circ} 43' 27''$)
Bulan Terbenam : 7.51 malam

Jarak Lengkung ($04^{\circ} 49'$)

Altitud Hilal ($03^{\circ} 54'$)

Maklumat Bulan
Ijtimak : 10 Julai 2021 / 09:18
Jarak Bulan ke Bumi : 395 644 km
Peratus Cahaya Bulan : 0.18%

Azimut Matahari ($292^{\circ} 16' 51''$)
Matahari Terbenam : 7.32 malam



FENOMENA SAMAWI (JUN-DISEMBER 2021)

12 Jun (Maghrib) - Konjungsi Bulan dan Zuhrah

5 Julai (Subuh)- Elongasi maksimum planet Utarid.

12 Julai (Maghrib) - Himpunan Bulan, Zuhrah dan Marikh

*16 Julai (5:28 PM) - Istiwa Ad'zam

2 Ogos (Maghrib-Subuh) - Istiqbal planet Zuhul

12 Ogos (Tengah Malam - Subuh) - Meteor Perseids

20 Ogos (Maghrib-Subuh) - Istiqbal planet Musytari

10 September (Maghrib) - Konjungsi Bulan dan Zuhrah

14 September (Maghrib)- Elongasi maksimum planet Utarid.

9-10 Oktober (Maghrib) - Konjungsi Bulan dan Zuhrah

30 Oktober (Maghrib) - Elongasi maksimum planet Zuhrah.

25 Oktober (Subuh)- Elongasi maksimum planet Utarid.

8 November (Maghrib) - Konjungsi Bulan dan Zuhrah

6-7 Disember (Maghrib) - Konjungsi Bulan dan Zuhrah

14 Disember (Tengah Malam - Subuh) - Meteor Geminids

Maghrib

Subuh